

LATIHAN: KATA GANTI NAMA TAK TENTU

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. _____ yang berminat mengambil bahagian dalam perlawanan itu, dikehendaki membuat pendaftaran.
A Apa-apa C Siapa-siapa
B Bila-bila D Mana-mana
2. “Serahkan _____ yang ada di dalam beg itu kepada aku!” kata perompak itu kepada Mak Munah.
A mana-mana C siapa-siapa
B apa-apa D bila-bila
3. Salim tidak menjamah _____ makanan pun hari ini.
A apa-apa C siapa-siapa
B mana-mana D bila-bila
4. Entah _____ lagi kami sekeluarga akan dapat pulang ke kampung.
A mana-mana C apa-apa
B bila-bila D siapa-siapa
5. Emak melarang adik ke _____ semasa beliau membayar harga makanan di kaunter.
A mana-mana C siapa-siapa
B bila-bila D apa-apa
6. _____ yang kehilangan jam tangan, sila berjumpa dengan saya.
A Mana-mana C Siapa-siapa
B Bila-bila D Apa-apa
7. Antara baju-baju ini pilihlah _____ yang adik berkenan.
A apa-apa C siapa-siapa
B bila-bila D mana-mana
8. Adakah _____ berita tentang keadaan ekonomi negara kita?
A bila-bila C mana-mana
B apa-apa D siapa-siapa
9. Pesanlah _____ makanan yang awak hendak.
A mana-mana C siapa-siapa
B apa-apa D bila-bila

10. Hasnah tidak suka _____ pun bertanyakan masalahnya.
A bila-bila C siapa-siapa
B mana-mana D apa-apa
11. Kami akan tiba _____ masa sahaja.
A bila-bila C siapa-siapa
B mana-mana D apa-apa
12. _____ barang yang berharga eloklah diselamatkan dahulu.
A Apa-apa C Mana-mana
B Bila-bila D Siapa-siapa
13. Tiada _____ dibenarkan masuk ke dalam bilik itu kecuali kakitangan yang berkenaan.
A apa-apa C mana-mana
B sesiapa D bila-bila
14. “Pilihlah _____ kuih yang adik suka,” kata Puan Rokian kepada anak bongsunya.
A mana-mana C siapa-siapa
B apa-apa D bila-bila
15. _____ yang tidak mengikut arahan akan dikenakan tindakan.
A Siapa-siapa C Bila-bila
B Apa-apa D Mana-mana
16. _____ yang tidak faham, tolong angkat tangan.
A Siapa-siapa C Bila-bila
B Mana-mana D Apa-apa
17. Kamu tidak dibenarkan menulis _____ sehingga dibenarkan berbuat demikian.
A apa-apa C bila-bila
B mana-mana D siapa-siapa
18. Duduklah di _____ yang kamu suka kerana tempat duduk ini tidak bernombor.
A apa-apa C mana-mana
B bila-bila D siapa-siapa
19. Tidak ada _____ lagi yang boleh kamu buat kerana semua kerja telah disiapkan.
A mana-mana C bil-bila
B siapa-siapa D apa-apa